

Bah.

Perhatian Editor ""

Ulangan membetulkan nama lorong ... Lorong Kilang Ais (rpt) his  
RUMAH KELAHIRAN PM DIBAIK PULIH SEBAGAI TEMPAT SEJARAH

ALOR SETAR, 26 April (Bernama) -- Kerja-kerja membaik pulih rumah kelahiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Lorong Kilang **his**, Jalan Pegawai, disini akan dimulakan pada bulan depan.

Ketua Pengarah Arkib Negara, Datuk Zakiah Hanum Haji Abdul Hamid hari ini berkata, sebanyak \$240,000 diperuntukkan untuk membaik pulih rumah papan satu tingkat itu.

+Apabila siap kelak ia akan menjadikan satu lagi tempat sejarah serta destinasi pelancongan, katanya kepada pemberita selepas majlis membaca yasin dan doa selamat sempena memulakan kerja-kerja baik pulih itu.

Zakiah berkata, rumah itu yang telah diwartakan sebagai tempat bersejarah akan dilengkapi dengan pelbagai kelengkapan lama milik Perdana Menteri. Iadi jangka dibuka kepada orang ramai pada akhir tahun ini.

Sebelum itu Arkib Negara telah membaik pulih rumah Tan Sri P. Ramlee di Pulau Pinang dan dijadikan sebagai tempat bersejarah, katanya.

Sementara itu, abang Dr Mahathir, Haji Mashahor, 68, ketika ditemui pada majlis itu menyambut baik langkah Arkib Negara untuk membaik pulih rumah itu sebagai daya tarikan pelancong dan tontonan anak cucu mereka.

Katanya, rumah itu yang kini berusia kira-kira 90 tahun mempunyai banyak keistimewaan serta sejarah kerana ia juga pernah dijadikan markas Kesatuan Pemuda bagi menentang Malayan Union. -- Bernama. /SY

▼26/04/18-23MST